



8 September 2021
8 September 2021
P.U. (A) 354

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN KHAS BAGI PENGURANGAN SEWA KEPADA PENYEWA SELAIN DARIPADA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA) 2021

INCOME TAX (SPECIAL DEDUCTION FOR REDUCTION OF RENTAL TO A TENANT OTHER THAN A SMALL AND MEDIUM ENTERPRISE) RULES 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(POTONGAN KHAS BAGI PENGURANGAN SEWA KEPADA PENYEWA SELAIN DARIPADA
PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Khas bagi Pengurangan Sewa kepada Penyewa selain daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana) 2021**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2021.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“bulan yang layak” ertinya bulan Januari tahun 2021 hingga Disember tahun 2021;

“tuan tanah” ertinya mana-mana orang yang menyewakan suatu premis perniagaan kepada penyewa;

“penyewa” ertinya seorang pemastautin di Malaysia dan menjalankan perniagaan di suatu premis perniagaan;

“premis perniagaan” ertinya premis yang digunakan oleh penyewa hanya bagi maksud perniagaannya dan termasuk suatu lot bazar, gerai, parkir kenderaan, gudang penyimpanan atau mana-mana tempat yang digunakan hanya bagi maksud perniagaan.

Potongan

3. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan tuan tanah daripada pendapatan sewanya di bawah perenggan 4(a) atau (d) Akta dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi suatu amaun bersamaan dengan jumlah amaun pengurangan sewa yang tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada kadar sewa bulanan di bawah perjanjian sewa sedia ada bagi suatu premis perniagaan bagi setiap bulan yang layak.

(2) Bagi maksud kelayakan bagi potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini, tuan tanah hendaklah menyimpan—

- (a) perjanjian penyewaan yang disetamkan di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*];
- (b) suatu penyata pendapatan yang berasingan bagi pendapatan sewa bagi bulan yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran;
- (c) suatu pengesahan yang dibuat oleh—
 - (i) tuan tanah menyatakan amaun pemberian pengurangan sewa; dan
 - (ii) penyewa menyatakan penerimaan pengurangan sewa.

Pendahuluan sewa

4. Tertakluk kepada subkaedah 3(2), jika sewa bagi bulan yang layak telah dibayar terlebih dahulu, tuan tanah layak diberi potongan di bawah subkaedah 3(1) dengan syarat bahawa tuan tanah menyimpan dokumen sokongan yang menyatakan pengurangan sewa diberikan melalui pembayaran balik atau melalui apa-apa cara lain yang dipersetujui antara tuan tanah dan penyewa.